

05 OCT 1996
S46-Bubar
PARTI MELAYU SEMANGAT 46 BUBAR ESOK

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Kira-kira 500 anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) akan menghadiri mesyuarat agung luar biasa parti itu di Hotel Kuala Lumpur Hilton, di sini esok, bagi membincangkan usul membubarkan S46 dan anggotanya menyertai Umno secara beramai-ramai.

Ketua Penerangan S46, Ahmad Shabery Chik berkata usul itu akan dibentangkan oleh timbalan presiden parti, Datuk Rais Yatim dan dibahaskan sebelum undian dijalankan.

"Kami harap esok akan ada kesepakatan untuk membubarkan parti," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Dua hari lepas, satu perhimpunan penyatuan Melayu yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah diadakan di Kota Baharu, Kelantan.

Perhimpunan yang dihadiri kira-kira 100,000 orang itu merupakan langkah ke arah pembubaran S46 yang ditubuhkan lapan tahun lepas berikutan kemelut politik yang melanda Umno selepas pemilihan 1987.

Pada 18 Ogos lepas, Tengku Razaleigh mengumumkan bahawa S46 akan dibubarkan demi perpaduan bangsa Melayu dan anggotanya menyertai Umno.

Ahmad Shabery berkata, mesyuarat agung itu akan dirasmikan Tengku Razaleigh pada pukul 8.30 pagi dengan ucapannya memberi penekanan kepada sebab-sebab pembubaran parti dan betapa pentingnya perpaduan Melayu.

Ini diikuti dengan pembentangan usul pembubaran dan penyata kewangan parti untuk mendapatkan mandat anggota, katanya.

Katanya, selain meminta anggota bersetuju dengan cadangan membubarkan parti itu, Majlis Tertinggi S46 juga memerlukan mandat mereka untuk menutup akaun parti selaras dengan pembubaran S46.

Ketika ditanya kedudukan kewangan parti itu, beliau berkata: "Tengoklah esok. Sebenarnya kami tidak mempunyai banyak harta kerana bangunan-bangunan pejabat yang ada sekarang disewa."

Katanya, mesyuarat agung itu dijangka selesai pukul 2 petang dan Pendaftar Pertubuhan akan dimaklumkan seberapa segera mengenai pembubaran itu.

Selasa ini (8 Okt) pula pemimpin S46 akan menyerahkan 200,000 borang permohonan menyertai Umno kepada ibu pejabat Umno di sini, katanya.

-- BERNAMA
AFY AH AHH